

# UMSKAL perintis program Kewangan Islam

Oleh Azri Onn

UNIVERSITI Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) bakal menjadi institusi pengajian tinggi awam (IPTA) pertama di negara ini menawarkan program Sarjana Muda Kewangan Islam (Kewangan Islam).

Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Zainal Abidin Said, berkata ketika ini belum ada IPTA di negara ini yang menawarkan program berkenaan.

Katanya, program hampir sama hanya ditawarkan di beberapa universiti di negara maju seperti The University of Melbourne di Australia, The Institute of Islamic Banking and Insurance (United Kingdom), Bahrain Institute of Banking and Finance (Bahrain) dan Centre For Islamic Management Studies (Singapura).

Beliau berkata, penawaran program itu selaras kewujudan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) yang menyelaras Pusat Kewangan Luar Pesisir (IOFC).

Dr Zainal menjangka program baru di

bawah Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) itu akan dimulakan Jun ini, selepas mendapat kelulusan Jabatan Pendidikan Tinggi, kerana ia sudah diluluskan Lembaga Pengarah UMS.

"Usaha ini selaras seruan dan matlamat kerajaan menjadikan Labuan sebagai pusat kecemerlangan pendidikan terunggul di rantau ini.

"Ia juga bertepatan status Labuan sebagai IOFC terkenal dan sesuai dengan imej universiti yang menawarkan program perbankan dan kewangan antarabangsa," katanya kepada Berita Harian di pejabatnya di Kiamsam.

Enam program pengajian ditawarkan di UMSKAL iaitu masing-masing empat program di Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) dan dua program di Sekolah Informatik Labuan (SSIL) serta bakal menawarkan Sekolah Perdagangan Antarabangsa dan Diplomas.

Program itu ialah Ijazah Sarjana Muda Sains (Kewangan Antarabangsa), Ijazah Sarjana Muda Sains (Perbankan Luar Pesisir), Ijazah Sarjana Muda Sains (Pe-



KAMPUS UMSKAL.

masaran Antarabangsa), Ijazah Sarjana Muda Sains (Ekonomi Kewangan Antarabangsa), Ijazah Sarjana Muda Sains (Teknologi Multimedia) dan Ijazah Sarjana Muda Sains (E-Dagang).

Di bawah SPKAL, UMSKAL menawarkan empat program iaitu Kewangan Antarabangsa, Perbankan Antarabangsa dan Luar Pesisir, Pemasaran Antarabangsa dan Ekonomi Kewangan Antarabangsa manakala Teknologi Multimedia dan E-Dagang berada di bawah SSIL.

Dr Zainal berkata seramai 500 pelajar diambil pada sesi kemasukan pertama pada 1999/2000 dan ia dijangka bertambah hampir 5,000 pelajar menjelang 2005.

Beliau berkata dalam masa lima tahun, kira-kira 20-30 peratus pelajar terdiri daripada pelajar asing dari negara jiran di rantau ini di samping dari Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Labuan.

UMSKAL yang mula diduduki pada 1 Januari 1999 mendapat pelajar daripada lulusan STPM, Matrikulasi, Pasca SPM dan berpengalaman bekerja serta bakal menerima pelajar dari gugusan negara BIMP-EAGA.

Mengenai nama sekolah yang ditawarkan, beliau berkata nama sekolah berkenaan melambangkan ciri dan sifat Labuan serta penduduknya yang terdiri daripada pelbagai kaum dari pelbagai negara di rantau ini.